

(LETTERHEAD)

**BISMILLAHHIRRAHMANIRRAHIM
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH**

Mengadap Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti AlMarhum Sultan Iskandar Al-Haj, DK., DMN., SAAS., SSAP., SIMP., DK.(Johor)., SPMJ., DK.(Brunei)., DK.(Selangor), yang bersemayam di Istana Abdulaziz, Kuantan dengan segala kemuliaan dan kebesarannya.

Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun,
Sembah Patik Mohon Diampun,

Dengan iringan doa daripada patik moga-moga Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku, Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Kebawah Duli Mulia Tengku Mahkota Pahang, Yang Amat Mulia Paduka - Paduka Anakanda Putera dan Puteri serta Yang Mulia Paduka - Paduka Cucunda sentiasa di dalam sihat walafiat dan dilanjutkan usia. Amin.

Ampun Tuanku,

Waba'dah ehwal adalah warkah yang tulus ikhlas ini daripada patik **(Nama & Jawatan)** mengadap merafak sembah mohon ampuni limpah perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku bagi patik menyembah maklum ke sisi pengetahuan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku akan hasrat **(Nama Jabatan/Agensi)** mengadakan/menganjurkan **(Nama Majlis/Program)** Insya-Allah pada tanggal **(Tarikh Cadangan)** bersamaan **(Tarikh Kalender Islam)**, jam **(Cadangan Masa Keberangkatan Tiba Tuanku)** di **(Lokasi/Tempat)**.

Ampun Tuanku,

Sehubungan dengan itu, patik bagi pihak **(Nama Jabatan/Agensi)** mengadap merafak sembah memohon apalah jua sudi kiranya Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku berangkat bercemar duli ke majlis seperti yang termaktub di atas.

Ampun Tuanku,

Had inilah patik merafak sembah dan selanjutnya berdoa kehadiran Allah S.W.T. moga - moga Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku, Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Yang Amat Mulia Paduka - Paduka Anakanda Putera dan Puteri serta Yang Mulia Paduka - Paduka Cucunda sentiasa di dalam sihat walafiat lagi dianugerahi aman sentosa selama - lamanya. Aamiin.

Ampun Tuanku Beribu - ribu Ampun,
Sembah Patik Mohon Diampun,

Patik yang menjunjung titah perintah.

(Nama Berserta Darjah/Pingat Kebesaran - jika ada)

Termaktub : **(Tempat)**

Pada : **(Tarikh)**

No. Fail : **(Jika ada)**

****NOTA**

Font : Tahoma (Saiz 14)

Spacing : 1.15

- Nyatakan dalam surat litup **nombor telefon penganjur** untuk dihubungi
- Lampirkan bersama **cadangan atur cara program** tersebut
- Persilaan perlu dihantar selewat-lewatnya **2 bulan sebelum** program

(LETTERHEAD)

(Tarikh) 2025
(Kalendar Islam) 1446H

Puan Zamzurina Binti Ahmad
Setiausaha Sulit Kepada
Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang
Istana Abdulaziz
25502 Kuantan
PAHANG DARUL MAKMUR

Puan,

**WARKAH PERSILAAAN KEPADA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA TENGGU
AMPUAN PAHANG**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman puan, saya **(Nama dan Jawatan)** dari **(Jabatan/Agensi/NGO)** ingin mempersilakan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Iskandariah Binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj ke (Nama Majlis).

3. Bersama-sama ini disertakan Warkah Persilaan kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku yang jelas menerangkan maksud dan tujuan tersebut. Cadangan atur cara program/majlis juga disertakan untuk perhatian pihak puan

4. Kerjasama puan untuk menyembahkan perkara ini kesisi Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku amat saya hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih. Untuk sebarang pertanyaan atau maklumbalas berkenaan perkara ini, pihak puan boleh menghubungi pegawai penyelaras **(Nama)** di talian **(Nombor telefon bimbit).**

Sekian,

(**NAMA**)
JAWATAN

****NOTA**

- *Font Arial (Size 12) , Spacing - (1.15)*